

# NEURAN CAPSULE

Gabapentin (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Neuran
2. Bagaimana Neuran berfungsi
3. Sebelum mengambil Neuran
4. Cara menggunakan Neuran
5. Semasa menggunakan Neuran
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Neuran
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Neuran

Neuran digunakan

- sebagai terapi tambahan dalam rawatan sawan separa ( berlaku di dalam kawasan otak yang terhad) dengan atau tanpa generalisasi sekunder ( mempengaruhi seluruh otak ) di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak berumur 3 tahun dan ke atas.
- untuk merawat sakit neuropatik (sakit yang disebabkan oleh kerosakan saraf) yang termasuk neuropati diabetik (kerosakan saraf kencing manis ), postherpetik neuralgia (sakit saraf pada bahagian badan yang sebelum ini mengalami jangkitan kayap) dan neuralgia trigeminal (sakit di bahagian muka ) di kalangan orang dewasa umur 18 tahun ke atas.

## Bagaimana Neuran berfungsi

Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat antikonvulsan. Ubat ini dikatakan berfungsi dengan mengawal bahan-bahan kimia dalam otak yang menghantar isyarat-isyarat ke saraf untuk mengawal sawan dan sakit neuropatik.

## Sebelum mengambil Neuran

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah terhadap Neuran atau mana-mana eksipien
- anak anda mengalami epilepsi dan berumur di bawah 3 tahun
- anak anda mengalami sakit neuropatik dan berumur di bawah 18 tahun.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- anda alah terhadap ubat-ubat lain, ubat antikonvulsan atau mana-mana makanan, pengawet atau bahan pewarna
- anda menghidap penyakit buah pinggang
- anda mempunyai sawan absence (keadaan “blinking out” atau memandang kosong untuk tempoh yang singkat)
- anda hamil atau merancang untuk hamil atau anda hamil ketika anda mengambil gabapentin.
- anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Gabapentin dikumuhkan dalam susu ibu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau didapati tanpa preskripsi.

Setengah ubat akan mengganggu fungsi bahan aktif yang ada pada Neuran. Antaranya:

- morphine
- antasid, ubat yang mengandungi aluminium dan magnesium
- cimetidine

Interaksi lain yang tidak tersenarai mungkin berlaku. Rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

## Cara menggunakan Neuran

- Berapa banyak harus digunakan

*Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:*  
900 sehingga 3600 mg/hari, dibahagi kepada 3 dos.

*Kanak-kanak berumur 3-12 tahun:*  
Dos permulaan adalah dari 10 hingga 15/mg/kg/hari.

*Dewasa dengan sakit neuropatik:*  
900 mg hingga 3600 mg/hari

*Pesakit dengan masalah buah pinggang:*

Pelarasan dos adalah disyorkan.

Doktor akan menyelaraskan dos anda bermula daripada dos rendah dan meningkat dengan perlahan-lahan kepada dos paling minimum yang diperlukan untuk mengawal sawan atau sakit neuropatik anda.

Telan kapsul dengan segelas penuh air.

- Bila perlu digunakan

Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas makan.

Jika anda mengambil ubat ini 3 kali sehari, jangan biar tempoh di antara waktu untuk makan ubat melebihi 12 jam.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat selama tempoh yang disarankan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Jika anda tertinggal dos, ambil sebaik sahaja anda ingat. Tinggalkan dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya jika telah hampir waktu untuk dos seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera apabila anda menyedari bahawa anda telah mengambil dos yang berlebihan.

Anda mungkin mengalami gejala-gelala berikut jika anda mengambil berlebihan:

- pening
- pertuturan tidak jelas
- penglihatan berganda
- mengantuk
- kelesuan (selalunya letih/lemah)
- cirit-birit ringan

# NEURAN CAPSULE

Gabapentin (300mg)

## Semasa menggunakan Neuran

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Ingatkan doktor atau pegawai farmasi bahawa anda sedang mengambil ubat ini atau anda akan mula mengambil ubat lain.

Beritahu doktor jika:

- anda mempunyai pemikiran membunuh diri atau mencederakan diri sendiri, perubahan dalam mood dan tingkah laku, atau tanda-tanda kemurungan
- anda hamil

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama dengan anda.

Jangan ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihati oleh doktor atau pegawai farmasi.

Jangan berhenti daripada mengambil ubat ini atau menukar dos yang telah ditetapkan dengan sesuka hati tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Gabapentin boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berpotensi berbahaya. Sebelum memastikan ubat ini tidak memberi kesan kepada keupayaan anda untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ini, jangan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berpotensi berbahaya.

## Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia adalah tidak serius dan hanya untuk sementara.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut ketika mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang kerap berlaku:

- kesakitan otot
- cemerlap dan ketidakstabilan
- pergerakan mata ke arah depan-belakang yang berterusan dan tidak terkawal dan/atau pergerakan mata bergolek-golek
- pening, kelesuan
- edema periferi (pembengkakan di tangan, kaki/bahagian bawah kaki)
- mengantuk
- terketar-ketar
- penglihatan abnormal contohnya penglihatan kabur dan penglihatan berganda.

Kesan-kesan sampingan yang kurang kerap berlaku:

- hilang ingatan
- kemurungan
- keadaan cepat marah atau perubahan angin / mental.

Kesan-kesan sampingan yang kurang kerap atau jarang berlaku:

- keadaan yang lemah atau kehilangan tenaga
- sakit belakang
- mulut / kerongkong kering
- pertuturan yang tidak jelas
- kerap buang air kencing
- gangguan perut / usus contohnya sembelit, cirit-birit, ketakcernaan, loya dan muntah
- sakit kepala
- tekanan darah rendah
- penurunan keinginan / keupayaan seksual
- susah tidur
- hidung berair
- bunyi berdering di dalam telinga
- masalah pemikiran
- sentakan
- peningkatan berat badan.

Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku:

- leukopenia (bilangan sel darah putih berkurang)

- sakit di bahagian bawah belakang / tepi badan
- sakit semasa buang air kencing atau susah buang air kencing.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin berlaku. Beritahu doktor dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Neuran

### - Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Simpan ubat ini pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan keadaan lembap.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Neuran berwarna kuning muda legap / kuning muda legap yang dicetak dengan 'GP300' pada satu permukaan dan 'hovid' pada satu lagi permukaan kapsul saiz 1 yang mengandungi serbuk putih – putih kekuningan.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif  
Setiap kapsul mengandungi:  
300 mg Gabapentin.

# NEURAN CAPSULE

Gabapentin (300mg)

---

- Bahan-bahan Tidak Aktif  
Sodium starch glycolate  
Lactose monohydrate DC  
Magnesium stearate  
Talc

- *Nombor MAL*  
MAL10110035A

**Pengilang**

HOVID Bhd.

Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh/  
Chemor, 31200 Chemor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**

01/07/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)020615/00136